

Soalan Lazim (FAQ) : Bimbingan Halal

Q1. Apa itu Halal?

A1. "Halal" adalah istilah dalam bahasa Arab yang bermaksud "perkara yang dibenarkan dan sah menurut Islam", mengikut Undang-Undang Syariah. Produk atau perkhidmatan Halal memberi jaminan bahawa ia mematuhi kesucian dan kualiti tertentu.

Halal bukan sahaja berdasarkan kepercayaan, malah turut menekankan kebersihan dan piawaian etika yang lestari.

Q2. Apa itu "Undang-Undang Syariah"?

A2. Kod etika Islam yang berasal daripada sumber-sumber Syariah.

Q3. Adakah Halal hanya untuk umat Islam sahaja?

A3. Tidak. Walaupun adalah wajib bagi umat Islam untuk menggunakan produk dan perkhidmatan Halal, Halal boleh digunakan oleh mana-mana bangsa atau agama.

Q4. Mengapa pensijilan Halal itu penting?

A4. Pensijilan Halal memberi jaminan bahawa produk dan perkhidmatan diperiksa dengan teliti oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), mengikut Undang-Undang Syariah.

Manfaat pensijilan Halal adalah:-

- (a) Membuka peluang pasaran baru dengan memberikan akses kepada pasaran yang besar dan semakin berkembang bagi pengguna Muslim dan bukan Muslim
- (b) Membina kepercayaan dan kesetiaan pengguna kerana produk penjual yang disahkan Halal oleh JAKIM, diiktiraf dan diterima di seluruh dunia
- (c) Membolehkan akses eksport kerana produk Halal sangat mendapat permintaan dan merupakan salah satu syarat wajib untuk memasuki sesetengah negara

Q5. Apa Program Bimbingan Halal yang ditawarkan oleh Maybank Islamic?

A5. Bimbingan Halal adalah satu inisiatif untuk menilai tahap kesiapsiagaan Halal pelanggan melalui platform digital yang dipanggil "Taqqim" dan seterusnya membimbing mereka dalam pensijilan Halal.

Q6. Apa itu "Taqqim"?

A6. Taqqim ialah sebuah platform digital dalam talian untuk menilai tahap kesiapsiagaan Halal pelanggan sebelum permohonan dihantar kepada JAKIM/JAIN bagi kelulusan pensijilan Halal. Pelanggan dikehendaki menjawab satu set soalan yang berkaitan dengan perniagaan mereka.

Taqqim beroperasi di atas platform dalam talian CoreHalal, yang dimiliki dan diurus oleh Synxsoft Sdn Bhd, rakan strategik Maybank Islamic.

Q7. Siapakah pelanggan sasaran Bimbingan Halal?

A7. Pelanggan sasaran bagi Program Bimbingan Halal adalah Perniagaan Mikro, Kecil & Sederhana (PKS) yang terdiri daripada:-

- (a) Perniagaan yang terlibat dalam bidang makanan & minuman, farmaseutikal dan kosmetik, serta telah beroperasi sekurang-kurangnya selama dua belas (12) bulan
- (b) Perniagaan yang berdaftar sebagai pemilikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, profesional, atau syarikat Sendirian Berhad yang belum memiliki pensijilan Halal
- (c) Mempunyai akaun operasi (contohnya Akaun Semasa patuh Syariah) dengan Maybank Islamic

Q8. Adakah terdapat sebarang yuran dan caj untuk Program Bimbingan Halal?

A8. Tidak. Inisiatif ini ditawarkan tanpa sebarang kos.

Q9. Bagaimanakah Program Bimbingan Halal akan memberi manfaat kepada pelanggan?

A9. Manfaat Pemudahcara Halal adalah seperti berikut:-

- (a) Mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai kesedaran Halal dan proses pensijilan
- (b) Melancarkan proses mendapatkan pensijilan Halal
- (c) Menggunakan "Taqqim" yang boleh dipercayai untuk menilai tahap kesiapsiagaan Halal
- (d) Mendapat akses kepada pembiayaan modal kerja
- (e) Terbebas daripada kos tinggi yang dikenakan oleh perunding Halal luar ketika mendapat pensijilan Halal
- (f) Mengurangkan risiko ditipu oleh perunding Halal palsu
- (g) Menyertai Salaam Market, Pasaran Halal B2B Pertama di Malaysia, sebagai pembeli atau penjual

Q10. Bila Program Bimbingan Halal mula ditawarkan kepada pelanggan Maybank Islamic?

A10. Mulai 20 September, 2023.

Q11. Apakah anggaran masa untuk pelanggan mendapatkan sijil Halal?

A11. JAKIM/JAIN kini memerlukan 23 hari bekerja untuk meluluskan permohonan Halal pelanggan. Sebelum ini, proses kelulusan Halal mengambil masa antara 2 hingga 3 bulan.

Q12. Bolehkah pelanggan *New to Bank (NTB)* memohon Bimbingan Halal?

A12. Ya. Pelanggan mesti membuka Akaun Semasa patuh Syariah dengan segera serta mengemukakan bukti dokumentasi.

Q13. Adakah pelanggan layak memohon sekiranya mereka mengekalkan Akaun Semasa konvensional sedia ada dengan Malayan Banking Berhad?

A13. Ya. Walau bagaimanapun, sebagai sebahagian daripada perjalanan Halal pelanggan, Akaun Semasa patuh Syariah adalah penting. Penukaran daripada Akaun Semasa konvensional kepada Akaun Semasa patuh Syariah boleh dilakukan dengan lancar melalui kebolehalihan akaun CASA (EVO), tanpa perlu menukar nombor akaun.

Q14. Adakah pelanggan yang berada di luar Malaysia layak untuk melanggan Bimbingan Halal?

A14. Tidak, inisiatif ini hanya untuk syarikat yang berdaftar dan beroperasi di Malaysia.

Q15. Bagaimanakah pelanggan mendaftar untuk Bimbingan Halal?

A15. Pelanggan yang berminat boleh mendaftar melalui halaman 'Halal2u' di laman web Maybank2u di maybank.my/halal2u

Q16. Di manakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Bimbingan Halal?

A16. Sila kunjungi mana-mana cawangan Maybank dan/atau Maybank Islamic di seluruh negara atau hubungi Pusat Panggilan kami di:-

- 1-300-88-6688 (tempatan) / 603-78443696 (luar negara) atau e-mel di mgcc@maybank.com.my
- Anda juga boleh menghantar pertanyaan kepada Unit Halal Maybank Islamic di halal@maybank.com atau menghubungi 03-22958888 (sambungan 3741 / 8902).